

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
22 OGOS 2016
ISNIN



| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|--------------|-----------------------------------|-----|
| SINAR HARIAN | 'TAK PERLU HIDUP DALAM KETAKUTAN' | 2 |



SINAR HARIAN

SH 22 / 8 / 16

'Tak perlu hidup dalam ketakutan'

Pengalaman jadi pelarian buat seorang pesara lebih hargai nilai sebuah kemerdekaan

■ SHAHIZATUL FARHA S ROSLI

PASIR GUDANG – Pengalaman seorang pesara yang menjadi pelarian pada usia 13 tahun ketika zaman Tanah Melayu ditakluki komunis membuatkan dia menghargai nilai dan erti sebuah kemerdekaan.

Bachok Nohong, 73, berkata, dia dan keluarganya yang berasal dari Kampung Lepau, Pengerang terpaksa melarikan diri dan berhijrah ke Pasir Gudang menaiki sampan ketika penajahan komunis pada era tahun 1950-an.

"Ketika itu saya baru berusia 13 tahun, perasaan sebelum merdeka dengan selepas merdeka sangat berbeza kerana keadaan lebih baik dan kita tidak perlu lagi hidup dalam ketakutan lagi.

"Meraka yang pernah hidup pada zaman sebelum merdeka pastinya lebih menghargai erti kemerdekaan yang dikecap pada ketika ini," katanya.

Katanya, hampir setiap tahun dia akan berbelanja bagi menghias rumah dan kenderaannya dengan bendera Malaysia demi menyatakan rasa cinta terhadap negara dan menghargai nikmat kemerdekaan yang dicapai.

"Saya sentiasa terapkan semangat merdeka kepada kesemua enam anak saya dan memberi contoh terbaik kepada mereka dengan mengibarkan jalur gemilang di rumah dan kenderaan.

"Tujuan saya memasang bendera adalah untuk memupuk semangat kemerdekaan dan patriotik kepada keluarga dan juga orang ramai," katanya.

Bachok berkata, dia memasang 105 helai bendera besar bagi menghiasi perkarangan kediamannya selain turut meletakkan 59 bendera kecil pada kereta sempena sambutan kemerdekaan tahun ini.

"Saya mula memasang bendera-bendera ini sejak mula memasuki bu-



Bachok di hadapan kediamannya di Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang yang penuh dihiasi bendera Jalur Gemilang.

lan kemerdekaan dan seperti sudah menjadi tradisi keluarga saya untuk menghias rumah dan kereta dengan

bendera pada bulan ini. "Bagi saya setiap rumah perlu mempunyai sekurang-kurangnya

satu bendera bagi menyuntik semangat merdeka dengan lebih mendalam," katanya.

